

Belanjawan hari ini

BH 2 5 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Khamis — Belanjawan 2000 yang akan dibentangkan semula oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin esok, dijangka mengekalkan semua insentif yang dijanjikan kerajaan ketika pertama kali membentangkannya pada Oktober lalu.

Ini termasuk pengurangan cukai bagi pendapatan individu, bayaran bonus dan kenaikan gaji kakitangan kerajaan, peruntukan tambahan subsidi petani dan persekolahan serta penghapusan dan pengurangan duti import bahan makanan.

Semua insentif dan galakan yang dijanjikan kepada sektor perniagaan juga dijangka dikekalkan.

Belanjawan 2000 pertama kali dibentangkan pada 29 Oktober lalu, tetapi tidak sempat diluluskan berikutan

LIHAT MUKA 2. RUANG 4

Daim umum KDNK suku tahunan keempat

DARI MUKA 1

BH 2 5 FEB 2000

pembubaran Parlimen pada 11 November bagi mengadakan pilihan raya umum.

Menurut penganalisis, jika ada pun perubahan dalam pembentangan semula belanjawan itu ia mungkin membabitkan angka pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 1999 dan unjuran bagi tahun ini.

Daim akan mengumumkan angka pertumbuhan KDNK bagi tempoh suku tahunan keempat dalam ucapan belanjawan, sekali gus memberi gambaran mengenai angka pertumbuhan sebenar ekonomi tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di Putrajaya petang ini mengesahkan angka rasmi pertumbuhan KDNK akan diumumkan esok.

"Ya, Menteri Kewangan akan umumkan. Esok, beliau (Daim) akan umumkan pertumbuhan KDNK bagi suku keempat (1999). Apabila kita memperolehi (angka) bagi suku keempat,

sudah tentu kita juga akan umum pertumbuhan (KDNK) bagi (seluruh) 1999," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengunjurkan pertumbuhan KDNK 1999 sebanyak 4.3 peratus, tetapi berdasarkan perkembangan ekonomi sepanjang tempoh suku tahunan keempat tahun lalu, penganalisis meramalkan angka itu mungkin lebih tinggi, iaitu sekitar 5.3 sehingga 5.4 peratus.

Ketika ditanya mengenai unjuran melebihi lima peratus itu, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, masyarakat luar nampaknya membuat ramalan mengenai pertumbuhan yang lebih baik.

"Saya rasa orang dari luar membuat ramalan mengenai pertumbuhan yang lebih baik daripada keyakinan kita sendiri dalam kerajaan. Saya fikir mereka mempunyai maklumat yang kita tidak tahu," katanya secara berseloroh.

Dalam ucapan Belanjawan 2000 yang dibentangkan Oktober lalu, Daim menggariskan lima strategi yang disifatkan sebagai Belanjawan untuk rakyat.

Strategi itu disertakan dengan pelbagai insentif serta pemotongan cukai bagi mencapai matlamatnya.

Antaranya, pengurangan cukai pendapatan individu secara menyeluruh sebanyak satu peratus dan kenaikan paras pelepasan diri bagi cukai pendapatan daripada RM5,000 setahun kepada RM8,000.

Bagi kakitangan kerajaan pula, Daim mengumumkan pembayaran bonus sebulan gaji dan kenaikan gaji pokok 10 peratus serta melonggarkan syarat kelayakan pinjaman perumahan.

Kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah pula akan diberi tambahan 50 peratus dalam claun perumahan.

Bagi pengguna, Belanjawan 2000 pada Oktober itu menjanjikan barangan makanan import lebih murah dengan penghapusan duti import 43 jenis bahan makanan dan pengurangan duti import 136 jenis makanan lain yang dikurangkan dutinya kepada antara dua hingga 12 peratus.

Bagi remaja, terutama lepasan tingkatan lima dan enam, mere-

ka bakal mendapat faedah daripada penubuhan Kolej Komuniti, yang mungkin dibangunkan di semua kawasan Parlimen bagi pendidikan lanjutan.

Ibu bapa yang layak pula akan diberi kemudahan mengeluarkan caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tujuan pendidikan anak-anak.

Untuk golongan korporat, mereka disediakan insentif dan potongan cukai tidak langsung, terutama bagi meningkatkan daya tahan dan daya saingan.

Pada pembentangan Oktober lalu, Daim berkata, perbelanjaan kerajaan tahun ini dijangka mengalami defisit RM 12.97 bilion atau 4 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Peruntukan bagi Belanjawan tahun ini adalah sebanyak RM78.03 bilion, manakala pendapatan Kerajaan Pusat tahun ini dianggarkan RMS9.9 bilion.

Jumlah subsidi yang akan di-biaya kerajaan, termasuk untuk petani dan hantuan persekolahan tahun ini ialah sebanyak RM2.01 bilion berbanding RMI .62 bilion tahun lalu.